

TEPAT & TERKINI



**KERTAS PERSEDIAAN
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK**

Berdasarkan



Tingkatan

2

KSSM

JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Bahasa Melayu (02)



1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

MODEL

UJIAN AWAL TAHUN

Tingkatan 2

Bahasa Melayu (02/2)

1 jam

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
B	1	30	
Jumlah		40	

BAHAGIAN C

[15 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang kesan-kesan pemanasan global. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Pemanasan global bermaksud peningkatan suhu purata dunia. Fenomena ini merupakan suatu amaran bahaya kepada manusia kerana alam sekitar kini berada dalam keadaan tenat sehingga menyebabkan kemusnahan dan pencemaran alam sekitar. Pemanasan suhu dunia ini mengakibatkan berlakunya peningkatan kandungan gas karbon dioksida di atmosfera bumi.

Kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa 15 hingga 37 peratus daripada 1103 sampel tanaman dan haiwan akan pupus menjelang tahun 2050 akibat pemanasan global. Suhu dunia yang semakin panas ini menyebabkan spesies tumbuhan dan haiwan tidak dapat bertahan dengan fenomena tersebut. Bilangan haiwan yang berdarah sejuk, iaitu amfibia akan berkurang secara drastik. Selain itu, dianggarkan bahawa semakin banyak hidupan di bumi akan mati akibat serangan penyakit yang dibawa oleh vektor-vektor terutamanya dari kawasan tropika seperti malaria.

Kesan daripada peningkatan suhu dan aras laut akan menyebabkan kawasan paya bakau dan persisiran pantai musnah. Hal ini bermakna terdapat peningkatan kandungan asid dalam air laut. Kandungan asid yang tinggi dalam air laut membahayakan hidupan laut. Hal ini akan menyebabkan jumlah oksigen yang larut kian berkurang dan jika berterusan, fenomena ini akan mengakibatkan kematian haiwan. Kenaikan aras laut pula memungkinan berlakunya fenomena banjir di kawasan persisiran pantai.

Seterusnya, pemanasan global mengakibatkan berlakunya pencairan bongkah-bongkah ais di kutub utara. Pencairan ini menyebabkan kawasan berais semakin kecil dan haiwan-haiwan yang hidup di kawasan itu seperti beruang kutub, musang artik, dan penguin kehilangan habitat mereka. Pencairan glasier di pergunungan pula akan mengubah keadaan muka bumi di sesuatu kawasan. Kesimpulannya, pengabaian tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar pastinya akan meninggalkan kesan buruk kepada generasi akan datang.

[15 markah]

KERTAS UJIAN TAMAT

SET 1 K1 – 12


Arahan: Jawab soalan dalam Bahagian A dan **satu** soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

[10 markah]

- 1 Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Majlis Konvokesyen Kakak



[10 markah]

SET 1 K2 - 2

BAHAGIAN B

[30 markah]

Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

KARNIVAL BAHASA

 PERTANDINGAN PANTUN	 BICARA BERIRAMA	 SKETSA
 MENGARANG ESEI	 PIDATO	 PUISI DAN LAGU

- 1 Anda telah terlibat dalam suatu Karnival Bahasa Melayu di sekolah.
Ceritakan pengalaman anda semasa menganjurkan karnival tersebut.
- 2 Program karnival bahasa dapat memberikan manfaat yang banyak kepada murid.
Huraikan pendapat anda tentang manfaat-manfaat menyertai karnival tersebut.
- 3 “Walaupun tidak bergelar juara namun kami tetap berpuas hati dengan persembahan kami. Tepukan gemuruh daripada penonton telah memberi kami semangat baharu untuk mencuba nasib lagi pada masa akan datang. Pengalaman menyertai pertandingan pantun ini tidak akan saya lupakan.”
Tulis karangan yang berakhir dengan perenggan di atas.